



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MEI 2024

Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat 1.4 peratus pada Mei 2024

PUTRAJAYA, 27 Jun 2024 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga barangan di peringkat pengeluar, meningkat 1.4 peratus pada Mei 2024 berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MEI 2024** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Sama seperti bulan sebelumnya, semua sektor mencatatkan peningkatan pada Mei 2024. Sektor Perlombongan terus meningkat 6.6 peratus daripada peningkatan dua digit 10.0 peratus pada bulan sebelumnya, disumbangkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (7.2%) dan Pengekstrakan gas asli (4.6%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat perlahan 1.3 peratus (April 2024: 5.4%), dengan indeks Pengeluaran ternakan dan Penanaman tanaman kekal masing-masing meningkat sebanyak 3.7 peratus dan 3.1 peratus. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan meningkat 1.0 peratus (April 2024: 0.8%) disumbangkan oleh indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (9.6%). Bagi sektor utiliti, indeks Bekalan air naik 8.7 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas meningkat 1.5 peratus."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan turun negatif 0.9 peratus daripada peningkatan 0.5 peratus yang dicatatkan pada April 2024. Sektor utama mengalami penurunan dan telah menyebabkan kemerosotan indeks keseluruhan pada bulan ini. Sektor Perlombongan menurun negatif 5.5 peratus (April 2024: 2.1%)

disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-6.8%) dan Pengekstrakan gas asli (-1.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun negatif 4.6 peratus daripada peningkatan 0.7 peratus pada bulan sebelumnya, sebahagian besarnya disebabkan oleh indeks Penanaman tanaman kekal (-7.8%). Begitu juga, sektor Pembuatan turun perlahan negatif 0.1 peratus (April 2024: 0.3%) disebabkan oleh Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-2.5%). Sementara itu, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air kekal positif dengan masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 1.1 peratus dan 1.4 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat pada kadar yang lebih perlahan 3.7 peratus (April 2024: 7.4%) disumbangkan oleh indeks Bahan bukan makanan (4.4%). Dalam masa yang sama, indeks Barang siap terus meningkat 3.3 peratus (April 2024: 2.4%), disumbangkan oleh indeks Kelengkapan modal (6.1%). Walau bagaimanapun, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 0.1 peratus, sama seperti bulan sebelumnya, disebabkan oleh indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-10.1%).”

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun negatif 4.3 peratus, manakala indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 0.4 peratus. Sementara itu, indeks Barang siap meningkat sebanyak 0.7 peratus.

Perbandingan dengan negara lain menunjukkan bahawa IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.2 peratus bulan ini berbanding 2.3 peratus pada April 2024. IHPR Jepun terus meningkat 2.4 peratus, daripada peningkatan 1.1 peratus pada April 2024, dengan kenaikan berterusan kos kebanyakan komponen, seperti logam bukan ferus, besi buruk & sisa serta produk petroleum & arang batu. Sementara itu, harga pengeluar China mencatatkan penurunan lebih perlahan 1.4 peratus berbanding kejatuhan 2.5 peratus pada bulan sebelumnya. Ini adalah penguncupan harga di pintu kilang bagi bulan kedua puluh berturut-turut yang disebabkan oleh perlombongan dan pemprosesan, tetapi penurunan terkecil sejak Februari 2023 dengan pelbagai langkah sokongan daripada kerajaan.

Bercakap mengenai harga komoditi Malaysia yang terpilih, beliau turut menyatakan bahawa, “Purata harga minyak sawit mentah (MSM) pada Mei 2024 ialah RM3,902.50 setiap tan, meningkat 2.8 peratus daripada Mei 2023, tetapi susut 8.3 peratus berbanding harga April 2024. Menurut penyelidikan MIDF, momentum harga reda lebih awal daripada


jangkaan, kembali kepada harga Februari 2024 apabila risiko cuaca panas dan kering telah berkurangan. Dalam masa yang sama, pengeluaran minyak bijirin global pada tahun 2024/25 diunjurkan meningkat kepada 687 juta tan, meningkat 4.0 peratus, manakala pengeluaran kacang soya ialah 422 juta tan, peningkatan sebanyak 6.0 peratus pada asas tahunan. Ini akan mendorong harga minyak sayuran dan minyak kacang soya lain ke arah aliran menurun, termasuk risiko pengurangan bekalan. MIDF turut mengunjurkan bahawa harga MSM akan berada pada RM3,600 setiap tan sepanjang 2024, lebih rendah daripada ramalan yang berlegar sekitar RM3,900 hingga RM4,200.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 27 Jun 2024



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
27 JUN 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
MAY 2024**

***Malaysia's Producer Price Index increased by 1.4 per cent
in May 2024***

PUTRAJAYA, 27th June 2024 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the price changes of goods at the producer level, increased by 1.4 per cent in May 2024 as compared to 1.9 per cent in the previous month. This was reported today in the latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MAY 2024** by the Department of Statistics Malaysia.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "Similar to the previous month, all sectors registered an increase in May 2024. The Mining sector continued to increase by 6.6 per cent from a double-digit increase of 10.0 per cent in the previous month, contributed by Extraction of crude petroleum (7.2%) and Extraction of natural gas (4.6%) indices. The Agriculture, forestry & fishing sector went up slightly by 1.3 per cent (April 2024: 5.4%), with the index of Animal production and Growing of perennial crops up by 3.7 per cent and 3.1 per cent, respectively. At the same time, the Manufacturing sector increased further by 1.0 per cent (April 2024: 0.8%) due to the Manufacture of computer, electronic & optical products index (9.6%). For the utility sector, the Water supply index went up 8.7 per cent, while the Electricity & gas supply index increased by 1.5 per cent."

He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production went down by negative 0.9 per cent from an increase of 0.5 per cent recorded in April 2024. The major sectors experienced a downturn, and this led to a decrease in the overall index this month. The Mining sector declined by negative 5.5 per cent (April 2024: 2.1%) attributed to Extraction of crude petroleum (-6.8%) and Extraction of natural gas (-1.7%) indices. The Agriculture,

forestry & fishing sector decreased by a negative 4.6 per cent from a 0.7 per cent increase in the previous month, largely due to the Growing of perennial crops (-7.8%) index. Likewise, the Manufacturing sector also downed marginally by negative 0.1 per cent (April 2024: 0.3%) due to the Manufacture of coke and refined petroleum products (-2.5%). Meanwhile, Electricity & gas supply and Water supply indices remained positive, recording increases of 1.1 per cent and 1.4 per cent, respectively.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that, “The Crude materials for further processing index increased at a slower pace of 3.7 per cent (April 2024: 7.4%) contributed by the Non-food materials index (4.4%). In the meantime, the Finished goods index increased further by 3.3 per cent (April 2024: 2.4%), contributed by the Capital equipment (6.1%) index. However, the Intermediate materials, supplies & components decreased by negative 0.1 per cent, similar to the previous month, attributed to the Processed fuel and lubricants (-10.1%) index.”

On a monthly basis, the Crude materials for further processing index declined by negative 4.3 per cent, while the Intermediate materials, supplies & components index decreased by negative 0.4 per cent. Meanwhile, the Finished goods index was up by 0.7 per cent.

A comparison of selected countries showed that, the PPI of the United States of America went up by 2.2 per cent this month as against 2.3 per cent in April 2024. Japan’s PPI continued to increase by 2.4 per cent, up from 1.1 per cent in April 2024, as costs rose for most components, such as non-ferrous metals, scrap & waste and petroleum & coal products. Meanwhile, China’s producer price posted a slower decline of 1.4 per cent as compared to a 2.5 per cent drop in the previous month. This was the twentieth consecutive month of contraction in factory gate prices, dragged by mining and processing, but the softest decline since February 2023, amid multiple support measures from the government.

Speaking about Malaysia’s current selected commodity prices, he further mentioned that, “The average price of crude palm oil (CPO) was RM3,902.50 per tonne in May 2024, an increase of 2.8 per cent from May 2023, but declined by 8.3 per cent as against the April 2024 price. According to the MIDF research, the price momentum subsided earlier than expected, returning to February 2024 prices as the risk of hot and dry weather has lessened. In the meantime, the global production of grain in year 2024/25 is projected to increase to 687 million tonnes, an increase of 4.0 per cent, while soybean oil’s production is 422 million

tonnes, an increase of 6.0 per cent on a yearly basis. This will push the price of vegetable oil and other soybean oil to a downward trend, including the risk of reduced supply. They also projected that CPO prices would be at RM3,600 per tonne throughout 2024, lower than the forecast hovering around RM3,900 to RM4,200.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia






Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia



Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 27th June 2024



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27th JUNE 2024